



Anwar bersama Fadillah, Amirudin, Aaron dan Fahmi mengibarkan Jalur Gemilang bersama murid taska sambil menyanyikan lagu 'Tanggal 31' selepas menyampaikan Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2025 di Serdang, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

'Tindakan pecah belah kaum mesti dihalang'

Anwar ingatkan negara bakal hancur kerana pimpinan taasub kepada satu puak

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Serdang: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, tindakan memecahbelahkan negara ini berdasarkan kaum, kabilah dan wilayah, mesti dihalang dengan keras dan tegas.

Perdana Menteri berkata, tidak ada negara yang boleh bertahan jika menerima hasutan kebencian antara kaum dan Malaysia sebagai negara dengan rakyat

pelbagai kaum dan agama itu lebih penting daripada sentimen kampung dan daerah.

"Beri cadangan apa pun, termasuk mutakhir ini, pembangunan semula bandar, masih dilihat dari segi kaum, masih ditanam dan dihasut rasa takut.

"Kita tidak boleh mengetepikan kepentingan kaum masing-masing.

"Apa pun saya bicarakan, saya tetap Melayu, saya bangga dengan bahasa saya, bahasa Melayu dan kehebatan budaya Melayu yang agung tapi tidak wajar kebanggaan ini meremehkan, memadamkan, apa lagi menghina yang lain.

"Sebab itu, ini bukan *zero sum game*, bukan memilih untuk memperhebat kekuatan Melayu dan menghina yang lain ataupun dalam kalangan masyarakat Cina, menyatakan keagungan budaya dan tamadun mereka ri-

buan tahun dan cuba meminggirkan seolah-olah negara ini tidak ada asas kekuatan, bahasa dan budaya atau pun dalam masyarakat India," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2025 di sini, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang dan Menteri Komuniti, Datuk Fahmi Fadzil.

Jaga sentimen satu sama lain

Perdana Menteri mengingatkan, ada negara yang hancur kerana pimpinan yang taasub dengan sentimen sesuatu agama, kaum dan bahasa, sehingga tidak mempedulikan kepentingan kaum dan agama lain.

Justeru katanya, Malaysia harus bekerja keras mempertahankan kesatuan yang dibina sejak 68 tahun lalu, dengan menjaga sentimen antara satu sama lain.

"Cari negara pelbagai kaum, di mana semangat perpaduan seketat dan sekuat Malaysia. Saya tabik kepada rakyat Malaysia yang tekad mempertahankan semangat ini, bukan 10 atau 20 tahun, tapi sudah 68 tahun kita bertahan.

"Bukan tidak ada unsur yang cuba mengkhianati. Setiap kali ada pelantikan, ikhtiar baharu atau rang undang-undang (RUU) baharu, masalah kaum dibangkitkan.

"Saya bersyukur, majoriti rakyat masih masih gunakan hikmah dan kebijaksanaan, melihat kepada fakta dan angka, tidak pada sentimen buruk yang boleh melemahkan kekuatan dan sendi negara kita," katanya.